

KERATAN AKHBAR

ORIENTAL DAILY NEWS

TARIKH: 15 OGOS 2019

MUKA SURAT: A33

TEMBAKAN BURUNG GAGAK TIDAK MEMBENDUNG MASALAH LANGKAH BERKESAN ADALAH PENAMBAH BAIKAN KEADAAN KEBERSIHAN ALAM SEKITAR

[JOHOR BAHRU] Kebanyakan kawasan perumahan dibelenggu oleh masalah burung gagak. Walaupun kerajaan tempatan seperti Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) telah melancarkan operasi menembak burung gagak untuk mengurangkan jumlah burung tersebut, kesannya sangat terhad. Tindakan tersebut telah diambil dalam bulan Julai di sembilan taman perumahan. Sebanyak 508 ekor burung gagak telah ditembak. Operasi yang sama akan dilakukan dalam bulan Ogos di sepuluh taman perumahan. Oleh itu, dengan menambah baik kebersihan alam sekitar, masalah tersebut dapat diselesaikan. MBJB akan mengambil beberapa taktik untuk menguruskan operasi ini. Antaranya memotong dahan pokok, memindahkan sarang burung gagak dan menembak burung. Menurut Tuan Yap Chee How, wakil DAP Johor Bahru, tindakan tersebut bersifat sementara. Tetapi dengan penjagaan kebersihan alam sekitar, memperketatkan pengurusan sampah dan mengurangkan pemberian makanan kepada burung gagak, masalah ini dapat diselesaikan dengan berkesan.

Menurut Puan Ng Siam Luang, wakil DAP Iskandar Puteri, burung gagak selalu mencari makanan di pasar dan pusat penjaja. Pada bulan Mei yang lepas, MBIP telah melancarkan operasi penembakan di kawasan tersebut. Beliau khuatir masalah burung gagak akan mengundang pelbagai penyakit kepada orang awam.